

# **SEMINAR**

## **Status Estetika Dalam Kehidupan Kontemporari**

**8-9 NOVEMBER 1997**

### **NILAI ESTETIKA DALAM PEMBERITAAN**

**Yazid Othman**

**Persatuan Wartawan Melayu Malaysia**

#### **ANJURAN:**

Jabatan Pengajian Media

#### **TEMPAT:**

Auditorium

Institut Pengajian Siswazah dan Penyelidikan (IPSP),  
Universiti Malaya



## **Nilai Estetika Dalam Pemberitaan**

*Yazid Haji Othman*

Presiden, Persatuan Wartawan Melayu Malaysia

### **Mukadimah**

Sesiapa pun juga yang bertugas di meja berita akan menumpukan kepada kunci berita, jenis berita dan nilai berita kerana kepentingan hal-hal ini adalah mengatasi segala-galanya. Manakala nilai-nilai estetika adalah perkara kedua atau ketiga malah mungkin yang ke sepuluh diambil kira dalam mempersiapkan sesuatu berita sama ada dari mula berita dibawa balik oleh pemberita, mahupun selepas ia disunting dan dimuatkan dalam ruangan dan halaman tertentu.

Yang dipentingkan oleh petugas di meja berita ini ialah jangan sampai pihak lawan (*rival*) dapat *scoop*. Andainya ini berlaku akan hancurlah maruah mereka pada esok harinya.

### **Faktor-faktor Nilai Estetika Terpinggir**

Tidak keterlaluan kalau saya katakan bahawa pengertian, apa lagi pemahaman mengenai estetika begitu amat terpinggir dalam amalan pemberitaan tanah air kita akhir-akhir ini. Ini meliputi semua media, sama ada media cetak mahu pun media elektronik. Tidak dinafikan faktor yang mempengaruhi kekurangan nilai-nilai estetika ini berpunca daripada kesibukan dan hiruk-pikuk bandaraya di mana para wartawan bertugas dan bahan media diterbitkan.

Suasana kesesakan jalan raya yang sering menjadi punca kelewatan sesuatu tugas sama ada dari pihak wartawan atau sumber berita, menjadikan penyiaran sesuatu berita itu dibuat dalam keadaan terhambat dalam keterbatasan waktu; apa lagi dengan keterbatasan ruang dan halaman berita di mana halaman-halaman iklan sering mengambil tempat sesuatu berita yang sepatutnya dimasukkan. Ertinya nilai 'fulus' lebih bernilai daripada sesebuah berita.

Nilai-nilai serta cara hidup di bandar dalam keluarga kota kosmopolitan ini menjadikan seseorang pemberita, penyunting, pengarang berita, ketua penyunting, pengarang, ketua pengarang serta jurugambar mempunyai sikap 'kerja untuk cari makan'. Oleh itu mereka tidak perlu menghubungi pihak Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) atau pakar-pakar bahasa untuk bertanyakan tentang istilah-istilah, ayat-ayat tertentu, tatabahasa dan sebagainya.

Sebahagian daripada mereka ini biasanya pergi kerja dengan iringan matahari dan balik ditemani bulan, manalah ada masa lagi untuk mereka membaca bahan-bahan bacaan tertentu untuk mendalami selok-belok tatabahasa, apalagi nilai-nilai estetika dalam pekerjaan mereka. Manakala yang lain pula mempunyai masalah psikologi tersendiri akibat dari peraturan-peraturan dan halangan undang-undang seperti Akta Rahsia Rasmi (OSA), Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), Akta Mesin Cetak, Akta Hasutan, Menghina Mahkamah (Contempt of Court) dan lain-lain peraturan yang menyebabkan mereka hanya berfikir ingin melepaskan diri dari bala bencana itu sahaja.

Oleh yang demikian, sejauh mana sangatlah mereka ini berusaha dan memikirkan nilai-nilai estetika semasa mereka menulis berita, menyunting berita, menentukan kedudukan berita, mengenakan tajuk berita, merakamkan serta memilih gambar dan seterusnya menerbitkan berita.

Pernah dalam pengalaman saya sendiri yang cuba menegur rakan setugas semasa menyunting berita dengan berkata, “Intro berita ini terlalu ringkas, bahasa yang dipakainya sungguh janggal kedengaran. Ubahlah sikit.” Teman setugas saya menjawab, “Ala, pedulikanlah ... mana ada masa kita nak main-main dengan bahasa sastera, asalkan cukup fakta tak apalah tu.”

Hal yang demikian berlaku bila-bila masa dan kepada sesiapa juga yang bertugas di dalam proses penyiaran berita hari ini. Lalu berlakulah tajuk-tajuk berita di akhbar-akhbar dengan kata-kata yang janggal didengar. Contohnya (sekadar menyebut beberapa contoh), SELANGOR RATAH PERLIS, SABAH BAHAM KELANTAN, PAHANG BELASAH JOHOR, DR M BIDAS BARAT, PAUL KEATING KUTUK MAHATHIR, JANJI KRU HANYA OMONG KOSONG, BELANJAWAN AJAR RAKYAT JIMAT CERMAT, TDM BERHAD, BERJAYA GROUP BERHAD, PENGANJUR BERGELUT LENGKAPI PERTUNJUKAN, dan seribu macam lagi.

### **Apakah punca lain terjadinya demikian?**

Selain dari faktor di atas, ada lagi perkara penting yang harus kita lihat mengapa nilai-nilai estetika ini terpinggir dalam penulisan berita dan seterusnya dalam penerbitan sesuatu berita. Di sana kunci utama dalam bidang pemberitaan ialah etika kewartawanan. Etika ini jika diikuti sepenuhnya akan menjadikan seseorang wartawan prihatin dan peka terhadap nilai-nilai estetika secara automatik. Saya tidak tahu secara tepat berapa banyakkah ciri-ciri etika kewartawanan ini dipetik dari pengajaran Islam sehingga pada umumnya di dalam etika kewartawanan adalah berselari dengan kehendak agama Islam.

Apa yang saya pasti dari segi sejarahnya semasa Islam memasuki negara Barat, orang-orang Barat yang cerdas sekali pada ketika itu ialah golongan paderi di gereja, tetapi mereka ini masih bertelanjang bulat dan lintang pukang atau

bergelimpangan bersama perempuan mabuk arah siang dan malam. Yang pasti juga dalam politik 'Mashaf al-Madinah' iaitu perlembagaan negara Madinah ciptaan Nabi Muhamad s.a.w dianggap perlembagaan bertulis pertama paling lengkap di dunia dan ia menjadi ilham kepada pemimpin-pemimpin dunia umumnya untuk dijadikan contoh khususnya dunia Barat.

Apa yang kita pelajari dari agama Islam, bahawa sesuatu berita yang disampaikan oleh seseorang kepada kita diwajibkan menyelidiki siapa pembawa berita itu dan dari mana sumbernya. Sekiranya pembawa berita itu atau sumber pencetus berita itu terdiri daripada orang-orang yang pernah membuat dosa besar, maka ia tidak takut berbohong untuk menyebarkan sesuatu berita. Dan inilah yang dijadikan asas penting dalam periwayatan hadith-hadith Rasulullah s.a.w.

Kami di Persatuan Wartawan Melayu Malaysia (PWM) telah menggariskan prinsip-prinsip serta etika kewartawanan Islam untuk dikemukakan kepada satu Perhimpunan Wartawan-wartawan Islam Sedunia yang akan diadakan di negara ini tidak lama lagi.

Bagi saya, mengeneipkan ciri-ciri etika kewartawanan adalah secara automatik mengeneipkan pula nilai-nilai estetika dalam penulisan kewartawanan. Sebab keindahan sesuatu ayat berita yang hendak ditulis adalah berdasarkan tatasusila yang khusus antaranya termasuklah perkara-perkara seperti berikut:

1. Menyatakan kebenaran, tanpa mempunyai muslihat atau niat yang buruk untuk menyembunyikan perkara yang sebenarnya.
2. Menulis secara jujur tanpa prasangka buruk serta mencemar nama baik seseorang dan juga menjauhkan diri dari membuat fitnah.
3. Menulis secara ikhlas dengan mengemukakan fakta-fakta yang betul, tepat, adil dan tidak memihak kepada satu-satu pihak tertentu.

4. Menulis secara sukarela dan cara-cara mendapatkan berita hendaklah secara adil tanpa arahan dan paksaan daripada mana-mana pihak yang berkepentingan iaitu tidak berlaku sogokan, tumbuk rusuk, atau 'bersalam dengan sampul'.
5. Menjauhkan diri dalam setiap tulisan dari unsur-unsur fitnah.
6. Bersedia memohon maaf sekiranya berlaku kesilapan dalam kadar yang segera.

### **Cadangan**

Untuk mengembalikan nilai-nilai estetika dalam bidang kewartawanan seperti yang saya kemukakan di atas hendaklah berdasarkan kepada tatasusila dan kod etika kewartawanan, maka semua pihak yang terlibat dalam bidang kewartawanan hendaklah secara menyeluruh terutamanya pemilik-pemilik akhbar, penerbit-penerbit akhbar dan ketua-ketua jabatan pengaran di media, hendaklah segera kembalikan cara penulisan berita pada nilai-nilai estetika yang tulen yang termasuk di dalamnya perkara-perkara seperti berikut:

1. Penggunaan bahasa yang betul dari segi tatabahasa Melayu.
2. Penggunaan istilah-istilah yang betul (yang tidak boleh direka sendiri).
3. Elakkan menggunakan tajuk-tajuk berita yang kasar bunyinya.
4. DBP hendaklah berfungsi dan bekerjasama dengan pihak anggota jabatan pengarang (media cetak dan media elektronik) dengan memberi teguran yang ikhlas dan pandangan yang membina dan bertanggungjawab.
5. Pihak penguasa media hendaklah melatih dan memberi kursus secara intensif kepada anggota jabatan pengarangnya dari segi penggunaan bahasa yang betul daripada para pakar bahasa.

## **Penutup**

Di mana ada kemahuan di situ ada jalan. Saya menyeru teman-teman dalam dunia kewartawanan agar memandang serius estetika dalam bidang kewartawanan ini kerana sekiranya amalan-amalan yang negatif seperti hari ini masih diteruskan, bayangkanlah pada tahun 2020 nanti apa akan jadi dalam bidang penulisan kewartawanan kita ini nanti. Marilah kita hentikan yang tidak betul dan memulakan yang betul.

Oleh yang demikian, PWM amat bimbang tentang hakisan nilai estetika ini telah mengambil daya usaha dengan menekankan etika kewartawanan dari setiap program dan aktiviti yang telah, sedang dan akan kita adakan.

Kemuncak dari usaha ini PWM sekarang sedang berusaha menubuhkan Majlis Akhbar (Press Council) guna untuk mengawal segala unsur-unsur negatif yang berlaku di setiap media khususnya yang melanggar tatasusila atau kod etika kewartawanan yang murni itu.